

Soalan Lazim PRULink Equity Fund (PEF)

1. Penutupan dana kepada wang pelaburan baharu

• **Mengapakah PRULink Equity Fund (PEF) ditutup daripada menerima premium saya?**

Disebabkan saiz dananya yang besar dan untuk memastikan prestasi dana yang mampan pada masa hadapan, saiz dana PEF perlu dikekalkan pada tahap optimum RM11 bilion setakat Disember 2021. Tahap optimum ini akan memberikan peluang pelaburan yang lebih cerah di samping menawarkan potensi prestasi dana yang lebih baik.

• **Apakah yang akan berlaku kepada pelaburan saya dalam PRULink Equity Fund (PEF)?**

Dana akan ditutup kepada semua jenis wang pelaburan baharu mulai 16 Julai 2022. Walau bagaimanapun, jika anda mempunyai unit pelaburan sedia ada dalam PEF, ia tidak akan terjejas, dan anda boleh memilih untuk menukarnya jika anda mahu.

2. Penyaluran premium berulang

• **Apakah yang dimaksudkan dengan penyaluran premium berulang?**

Penyaluran premium berulang ialah apabila anda memberikan arahan kepada kami untuk menyalurkan premium berulang anda sama ada mengikut jenis dana atau perkadaran pelaburan.

• **Apakah yang akan berlaku jika saya tidak memberikan arahan penyaluran premium sebelum 4 Julai 2022?**

Sekiranya anda tidak mengambil tindakan, premium berulang anda akan disalurkan kepada dana ekuiti tempatan baharu iaitu **PRULink Dynamic Equity Fund (PDEF)**, yang mempunyai strategi pelaburan yang sama seperti **PRULink Equity Fund (PEF)**. Kami akan melaburkan peruntukan premium berkaitan (dimaksudkan kepada PEF) yang dibayar mulai 16 Julai 2022 ke dalam PDEF.

Anda boleh mempertimbangkan untuk menyalurkan premium berulang ke dalam **PRULink Equity Plus Fund (PEPF)** dengan pendedahan ekuiti tempatan dan asing. Anda juga boleh menyalurkan premium berulang kepada mana-mana dana lain yang ditawarkan oleh polisi yang berpandukan tahap toleransi risiko dan keutamaan pelaburan anda.

• **Mengapakah saya digalakkan untuk menyalurkan premium berulang kepada PRULink Equity Plus Fund (PEPF)?**

PEPF ialah pilihan yang dicadangkan untuk pertimbangan anda kerana PEPF memberikan peluang agar dapat menyertai kedua-dua pasaran ekuiti tempatan dan asing yang menawarkan peluang pelaburan global yang luas, berbanding pasaran ekuiti tempatan. Selain itu, PEPF mencipta ruang untuk anda mempelbagaikan risiko dari negara tertentu.

• **Bolehkah anda beritahu saya mengenai dana baharu – PRULink Dynamic Equity Fund (PDEF) dengan lebih lanjut?**

PDEF ialah dana ekuiti tempatan menurut struktur Dana ke Dana yang melabur ke dalam dana sasaran **PRULink Strategic Fund (PSF)**. PSF melabur terutamanya dalam stok syarikat terkemuka atau syarikat yang sedang meningkat di Malaysia melalui syarikat permodalan besar, sederhana dan kecil bagi memberikan potensi prestasi dana yang lebih baik.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang PDEF, anda boleh merujuk kepada Lembaran Fakta Dana Induk menerusi [Savings & Investment Funds | Prudential Malaysia](#). (Nota: Prestasi lepas tidak menunjukkan prestasi masa hadapan dan prestasi dana tersebut tidak dijamin.)

• **Bolehkah anda beritahu saya mengenai PRULink Equity Plus Fund (PEPF) dengan lebih lanjut?**

PEPF ialah struktur Dana ke Dana yang melabur dalam ekuiti asing melalui dana sasaran **PRULink Global Strategic Fund** (dengan Lindung Nilai) (PGSF-H); dan ekuiti tempatan melalui dana sasaran **PRULink Strategic Fund (PSF)**. Peruntukan aset neutral PEPF ialah 80% dalam ekuiti tempatan dan 20% dalam ekuiti asing.

PEPF memberikan anda peluang untuk mengambil bahagian dalam pasaran ekuiti tempatan dan asing yang menawarkan peluang pelaburan global yang luas, berbanding pasaran ekuiti tempatan. Selain itu, dana ini juga mampu mempelbagaikan risiko dari negara tertentu.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang PEPF, anda boleh merujuk kepada Lembaran Fakta Dana Induk menerusi [Savings & Investment Funds | Prudential Malaysia](#). (Nota: Prestasi lepas tidak menunjukkan prestasi masa hadapan dan prestasi dana tersebut tidak dijamin.)

• **Bagaimanakah saya boleh menyalurkan premium berulang kepada PRULink Dynamic Equity Fund (Pilihan A) atau PRULink Equity Plus Fund (Pilihan B)?**

Anda boleh menyalurkan premium berulang kepada PRULink Dynamic Equity Fund (Pilihan A) atau PRULink Equity Plus Fund (Pilihan B) dengan:

- Mengambil langkah berpandukan pautan yang diterima melalui SMS untuk menyempurnakan arahan, atau
- Mengisi borang yang diterima berserta surat bercetak

- **Bolehkah saya memilih dana lain selain daripada dana yang dicadangkan oleh Prudential iaitu PRULink Dynamic Equity Fund (PDEF) atau PRULink Equity Plus Fund (PEPF)?**

Ya, Anda boleh memilih untuk menyalurkan premium berulang anda ke dalam mana-mana dana lain sebagaimana yang ditawarkan oleh polisi yang berpandukan tahap toleransi risiko dan keutamaan pelaburan anda.

Sekiranya kami tidak menerima arahan anda untuk menyalurkan premium berulang selewat-lewatnya pada 4 Julai 2022, kami akan menggantikan PEF sebagai pilihan pelaburan semasa anda dengan PDEF.

- **Selain dari PRULink Dynamic Equity Fund atau PRULink Equity Plus Fund, apakah pilihan dana lain yang ada untuk saya salurkan premium berulang?**

Anda boleh menyalurkan premium berulang kepada mana-mana dana lain sebagaimana yang ditawarkan oleh polisi yang berpandukan tahap toleransi risiko dan keutamaan pelaburan anda. Sila lengkapkan borang "Permohonan Pengeluaran, Penukaran, Penyaluran Premium atau Pembatalan Pengeluaran Berstruktur".

- **Jika saya telah menyalurkan premium berulang daripada PRULink Equity Fund (PEF) kepada Dana A, bolehkah saya menyalurkan semula premium berulang tersebut kepada PEF selepas itu?**

Tidak boleh. Untuk makluman, kami tidak lagi akan menerima sebarang wang pelaburan baharu ke dalam PEF mulai 16 Julai 2022. Ini bermakna PEF tidak lagi tersedia sama ada dalam bentuk premium berulang mahupun keberadaan yang membolehkan pelanggan untuk memilihnya bagi tujuan penyaluran premium, penukaran dana dan pertambahan pelaburan ke dalam PEF.

- **Bilakah saya boleh menyalurkan premium berulang?**

Anda boleh menyalurkan premium berulang pada bila-bila masa. Penyaluran premium berulang kepada dana pilihan utama anda akan mula berkuat kuasa pada tarikh cukup premium yang berikutnya.

- **Adakah terdapat sebarang kos yang akan saya tanggung?**

Tiada kos dikenakan ke atas anda. Perlindungan insurans anda juga tidak akan terjejas.

3. Soalan Lain

- **Polisi saya telah luput. Bolehkah saya teruskan dengan penyaluran premium berulang/penukaran?**

Ya, boleh. Anda perlu menghidupkan kembali polisi terlebih dahulu, kemudian barulah anda boleh melaksanakan penyaluran atau penukaran dengan sewajarnya.

- **Apakah yang akan berlaku jika Hayat Yang Diasuranskan meninggal dunia dalam 90 hari yang akan datang?**

Kami akan memproses dan menunaikan tuntutan kematian seperti yang termaktub dalam polisi berkenaan.